

15 DEC 1999

Ling-MCA

MCA KEMUKA CADANGAN BALAS MENGENAI JAWATAN EXCO

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- MCA telah mengemukakan cadangan balas kepada kerajaan Pulau Pinang terhadap cadangan asal bagi mewujudkan jawatan timbalan ketua menteri dan tambahan jawatan anggota Exco yang ditolak oleh kepimpinan Barisan Nasional (BN), kata presiden parti Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Beliau melahirkan rasa kesal anggota parti terhadap penolakan itu sambil berkata MCA akan meneruskan kerjasama dengan kerajaan negeri walaupun ia tidak diberikan jawatan tambahan yang dimintanya.

Dr Ling, yang tidak memberi penjelasan mengenai cadangan balas itu berkata, apabila keputusan telah dibuat mengenai perkara itu, MCA akan mematuhi.

Permintaan MCA bagi jawatan tambahan itu dibat kerana parti itu telah menunjukkan prestasi yang baik semasa pilihan raya umum ke-10 apabila ia memenangi kesemua sembilan kerusi dewan undangan negeri yang dipertandingkan di negeri ini, kata beliau kepada pemberita di sini.

Beliau mengulas pengumuman yang dibuat awal hari ini di Pulau Pinang oleh Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon bahawa kepimpinan BN menolak permintaan MCA bagi jawatan timbalan ketua menteri dan anggota exco.

Permintaan parti itu bagi jawatan tambahan telah menyebabkan kelewatan pelantikan barisan anggota Exco negeri dan mendorong pertemuan antara Koh dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Selasa bagi menyelesaikan apa yang disifatkan oleh sesetengah media sebagai krisis.

Barisan anggota eco diumumkan hari ini, menjadikan Pulau Pinang negeri terakhir berbuat demikian berikutan pilihan raya umum 29 Nov lepas yang menyaksikan BN kembali berkuasa.

Dalam barisan itu, kemapat-empat parti komponen BN itu mengekalkan status quo masing-masing dengan Gerakan mendapat empat jawatan termasuk Ketua Menteri, Umno empat, MCA dua dan satu jawatan bagi MIC.

MCA telah melobi bagi tambahan jawatan timbalan ketua menteri selain jawatan timbalan ketua menteri yang dipegang oleh Umno. Datuk Dr Hilmi Yahaya hari ini diumumkan sebagai timbalan ketua menteri.

"Cadangan balas oleh MCA tidak penting. Yang penting ialah MCA Pulau Pinang MCA memenuhi tanggungjawabnya untuk berkhidmat kepada rakyat yang memberikan mandat yang lebih kuat kali ini," kata Dr Ling.

"MCA sedar tentang mandat yang lebih mantap kali ini dan akan bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk berkhidmat kepada rakyat," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada MCA kecewa dengan keputusan itu, beliau berkata: "anggota-anggota parti mungkin kecewa kerana parti telah menunjukkan prestasi yang baik dalam pilihan raya dan meletakkan harapan yang tinggi."

Apabila ditanya sama ada perkembangan politik di negeri ini telah menjejaskan hubungannya dengan Gerakan, Dr Ling menjawab: "Jika anda mempunyai sikap matang dan mengamalkan sikap bertolak-ansur, anda dapat mengatasi masalah itu."

Dr Ling sebelumnya dilaporkan mengaku bahawa hubungan antara kedua-dua parti komponen BN itu telah renggang.

Terdahulu di Pulau Pinang, pengerusi MCA negeri Datuk Dr Sak Cheng Lum menyifatkan keputusan kepimpinan BN menolak permintaan MCA itu sebagai "tidak adil".

Beliau berkata yang lebih mengecewakan ialah kerana permintana itu

telah disalahtafsir sambil berkata kepimpinan BN telah menghantar isyarat yang bercanggah dengan memberi kepada Gerakan tambahan jawatan setiausaha parlimen di peringkat persekutuan dan menolak cadangan MCA di negeri ini.

Dr Sak berkaya beliau sendiri minta tidak dilantik ke jawatan exco, dan memberitahu pemberita: " Terserahlah kepada anda untuk membuat spekulasi terhadap langkah saya".

-- BERNAMA

AU FAZ